

KONSEP DAN AMALAN INTEGRITI DALAM PELAKSANAAN PEMBANGUNAN NABI SULAYMAN A.S.: ANALISIS AYAT-AYAT TERPILIH

THE CONCEPT AND PRACTICE OF INTEGRITY IN THE IMPLEMENTATION OF DEVELOPMENT BY PROPHET SULAYMAN A.S.: AN ANALYSIS OF SELECTED VERSES

Muhamad Hafizuddin Ghani

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia,
(Email: hafizuddinghani@unisza.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2021
Revised date : 8-8-2021
Accepted date : 3-10-2021
Published date : 5-10-2021

To cite this document:

Ghani, M. H. (2021). Konsep Dan Amalan Integriti dalam Pelaksanaan Pembangunan Nabi Sulayman A.S.: Analisis Ayat-Ayat Terpilih. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 300 - 309.

Abstrak: Kertas kerja ini bertujuan mengkaji dan menganalisis ayat-ayat al-Qur'an terpilih berkaitan konsep dan amalan integriti dalam pelaksanaan pembangunan oleh Nabi Sulayman a.s. Al-Qur'an merakamkan Nabi Sulayman a.s. sebagai seorang Nabi yang melaksanakan pembangunan dengan begitu hebat. Menerusi penceritaan al-Qur'an, baginda a.s. didapati komited dengan pengamalan nilai integriti dalam membangunkan kerajaan baginda a.s. Hal ini menunjukkan pentingnya nilai integriti dititikberatkan dalam pelaksanaan sesebuah pembangunan. Persoalannya, apakah pengertian konsep integriti yang tepat sebagaimana yang dipraktikkan oleh Nabi Sulayman a.s.? Bagaimanakah konsep integriti ini dilaksanakan dalam pembangunan berteraskan Islam? Berdasarkan persoalan-persoalan ini, kertas kerja ini cuba meneliti dengan lebih lanjut konsep integriti, seterusnya menganalisis konsep integriti berdasarkan beberapa ayat al-Qur'an yang dipilih berdasarkan kaedah tafsir al-mawdu'iy. Akhirnya, kertas kerja ini mendapati bahawa integriti merupakan suatu konsep yang berkait rapat dengan akidah yang menjadi paksi kepada setiap aktiviti pembangunan. Berdasarkan konsep inilah budaya perkhidmatan cemerlang dapat dihasilkan dalam pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam.

Keywords: Nabi Sulayman a.s., integriti, al-Quran, pelaksanaan PBI, pembangunan

Abstract: This paperwork seeks to investigate and analyse selected al-Qur'an verses with regard to the concept and practice of integrity in the implementation of development by Prophet Sulayman a.s. Al-Qur'an depicts Prophet Sulayman a.s. as a Prophet who impressively executed the idea of development. Through the lens of narrative in al-Qur'an, he a.s. was apparently committed to practising the value of integrity in developing his government. This implies the salience of underscoring the value of integrity in implementing a particular development. The point at issue disputes these concerns: What is the definition of the exact concept of integrity as practised by Prophet Sulayman a.s.? How is this concept of

integrity implemented in the Islamic-based development? With respect to these questions, this study attempts to further dissect the concept of integrity, and next analyse the concept of integrity with a reliance on several al-Qur'an verses selected based on al-mawdu'iy interpretation method. Finally, this study discovered that integrity is a concept closely concerned with Islamic creed (aqidah) which remains the referential axis to every development activity. The fruits of this concept are evident through the culture of excellent service in the implementation of Islamic-based development.

Keywords: Prophet Sulayman a.s., integrity, al-Quran, implementation of Islamic-based development, development

Pendahuluan

Integriti adalah sebahagian daripada akhlak Islam yang merupakan manifestasi jiwa kehambaan seorang manusia dengan Penciptanya. Bukan sekadar melibatkan hubungan dengan Pencipta, pengamalan integriti ini dapat diperhatikan menerusi tindakan seseorang hamba dalam interaksinya dengan sesama makhluk. Al-Quran sebagai sebuah kitab suci yang diwahyukan oleh Allah SWT menyeru manusia agar berpegang dengan nilai akhlak yang paling mulia dan terbaik, termasuk integriti.

Di samping itu, al-Qur'an yang merupakan sumber utama ilmu pembangunan berteraskan Islam (PBI) juga telah merakamkan pelbagai kisah para Nabi. Misi para Nabi ini antara lainnya adalah membangunkan dunia melalui penyucian hubungan dengan Pencipta, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam (Muhammad Kamal Hasan, 1993). Antara Nabi yang begitu sinonim dengan pelaksanaan pembangunan adalah Nabi Sulayman a.s.

Dalam penceritaan al-Qur'an berkaitan Nabi Sulayman a.s. yang melaksanakan pembangunan dalam kerajaan baginda a.s., didapati bahawa pengamalan integriti sangat dititikberatkan. Hal ini dapat diperhatikan secara jelas menerusi beberapa ayat al-Qur'an. Justeru, hal ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan konsep integriti dalam sesebuah pelaksanaan pembangunan. Persoalannya, apakah pengertian konsep integriti yang sebenar? Bagaimanakah konsep integriti ini dapat dilaksanakan dalam pembangunan berteraskan Islam?

Berdasarkan persoalan inilah kertas kerja ini ditulis. Kertas kerja ini memfokuskan perbincangan terhadap konsep dan amalan integriti yang disebutkan menerusi kisah Nabi Sulayman a.s. dalam al-Qur'an. Secara keseluruhan, perbincangan dalam kertas kerja ini terbahagi kepada tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti ayat-ayat berkaitan konsep integriti dalam kisah pembangunan Nabi Sulayman a.s. dalam al-Qur'an. Kedua, menganalisis ayat-ayat berkaitan konsep integriti dalam kisah pembangunan Nabi Sulayman a.s. itu secara tafsir tematik. Ketiga, merumus konsep integriti dalam pembangunan Nabi Sulayman a.s. berdasarkan ayat-ayat yang dikenal pasti itu.

Definisi Integriti

Dari sudut bahasa, integriti berasal daripada perkataan latin '*integer*' yang bermaksud menyeluruh, utuh, sempurna, kesatuan yang teguh (Widang & Fridlund, 2003). Menurut Pellegrino (1990), integriti adalah tahap atau keadaan keseimbangan di antara ruang peribadi, autonomi dan nilai individu. Roberts (1994) pula mendefinisikan integriti sebagai kesatuan di antara komitmen sepenuhnya kepada nilai yang dipegang dalam setiap ucapan dan tindakan seseorang. Musschemga (2001) mentakrifkan integriti sebagai konsistensi dan koherensi dalaman serta keyakinan seseorang dengan penyertaan dan tindakannya.

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat (2005) pula, integriti ialah kejujuran dan ketelusan; kesempurnaan; keutuhan, keadaan sempurna. Daripada definisi ini, difahami bahawa integriti merupakan sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi dan boleh dipercayai (Siti Nur Aafifah Hashim & Shereeza Mohamed Saniff, 2019:76).

Menurut Stanford Encyclopedia of Philosophy (2013), istilah integriti boleh diklasifikasikan kepada empat perspektif iaitu ketekalan nilai peribadi, komitmen terhadap nilai peribadi, komitmen terhadap nilai komuniti dan komitmen terhadap nilai-nilai murni.

Integriti juga merupakan ciri yang berkait rapat dengan keperibadian seseorang. Ia meliputi amalan, tingkah laku, sikap, perbuatan, cara menjalankan tugas harian dan perhubungan tiga dimensi yang melibatkan hubungan dengan Allah SWT, manusia sesama manusia dan dengan alam dan juga manusia dengan dirinya sendiri. Istilah integriti ini begitu luas dan merangkumi beberapa aspek seperti etika, tadbir urus, disiplin, ketelusan dan sebagainya. Ringkasnya, istilah integriti tidak terlepas daripada unsur budi pekerti yang baik dan ia ditunjangi oleh kejujuran (Zubayry Abady Sofin, 2008).

Dalam Pelan Integriti Nasional 2006, disebutkan bahawa integriti adalah kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan prinsip teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral. Integriti merupakan nadi utama kepada pencapaian hasil kerja berkualiti yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang individu atau organisasi dengan berlandaskan ciri-ciri kerja bersepadu dan menyeluruh. Integriti perlu dilihat sebagai suatu komitmen terhadap prinsip moral yang tinggi dalam memikul dan menjalankan sesuatu tugas sama ada pada peringkat individu atau organisasi. Pada peringkat individu, penghayatan konsep integriti bererti seseorang perlu menunjukkan keselarasan antara apa yang diucapkan dengan apa yang dilakukan, bertindak menurut prinsip moral, etika dan undang-undang, mengutamakan kepentingan umum melebihi kehendak dirinya sendiri dan melakukan kerja dengan kualiti yang bermutu dan tepat. Di peringkat organisasi, penghayatan integriti perkhidmatan terjelma dalam bentuk perumusan pelaksanaan kod etika kerja, piagam pelanggan, proses kerja dan pematuhan terhadap amalan terbaik (Megat Ayop Megat Ariffin & Abd Halim Ahmad, 2016:140).

Daripada keseluruhan perbincangan ini, dapat dikatakan bahawa istilah integriti membawa kepada pelbagai makna dan dimensi yang luas. Dalam hal ini, kepelbagaian definisi dan dimensi tersebut mempunyai hubungan kaitnya yang tersendiri melibatkan hubungan dengan Allah SWT, manusia sesama manusia dan dengan alam dan juga manusia dengan dirinya sendiri.

Ayat-Ayat Al-Qur'an Berkaitan Konsep Dan Amalan Integriti Dalam Kisah Nabi Sulayman a.s.

Perihal Nabi Sulayman a.s. diceritakan dalam pelbagai surah yang berbeza dalam al-Qur'an.¹ Dalam kertas kerja ini, tumpuan akan diberikan hanya kepada tiga ayat sahaja berkaitan konsep dan amalan integriti yang terdapat dalam kisah Nabi Sulayman a.s. iaitu Surah al-Naml (27:35, 36 & 37). Surah ini merupakan surah yang terkandung dalamnya penceritaan yang paling panjang berkaitan Nabi Sulayman a.s. berbanding surah-surah yang lain. Walau bagaimanapun, ayat-ayat tersebut tidaklah menyatakan secara langsung bahawa ia memperihalkan konsep integriti yang perlu ada dalam pelaksanaan pembangunan Nabi Sulayman a.s. Justeru, ayat-ayat tersebut dianalisis dengan menghubungkan konsep dan amalan integriti dengan pelaksanaan pembangunan Baginda a.s.

Jadual 1: Ayat-Ayat Al-Qur'an Berkaitan Konsep dan Amalan Integriti Melalui Kisah Nabi Sulayman a.s.

Ayat	Terjemahan ayat
<i>al-Naml</i> (27:35)	<i>"Dan bahawa aku hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita".</i>
<i>al-Naml</i> (27:36)	<i>"Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang mengadap Nabi Sulayman, berkatalah Nabi Sulayman (kepadanya): "Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta benda, kerana apa yang telah diberikan Allah SWT kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikannya kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan harta kekayaan yang dihadiahkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah)."</i>
<i>Al-Naml</i> (27:37)	<i>"Kembalilah kepada mereka, (jika mereka tidak juga mahu beriman) maka demi sesungguhnya kami akan mendatangi mereka dengan angkatan tentera yang mereka tidak berdaya menentangnya, dan kami akan mengeluarkan mereka dari negeri Saba' dengan keadaan hina, menjadi orang-orang tawanan."</i>

Jadual 1 menunjukkan tiga ayat al-Qur'an berkaitan konsep integriti dalam kisah Nabi Sulayman a.s. berserta terjemahannya. Dalam kertas kerja ini, ketiga-tiga ayat al-Qur'an yang menyebutkan secara langsung dan jelas berkaitan konsep integriti dalam kisah Nabi Sulayman a.s. iaitu Surah al-Naml (27:35, 36 & 37) telah dipilih dan akan dianalisis.

¹ Perkataan Sulayman a.s. telah disebutkan secara jelas sebanyak tujuh belas kali di dalam tujuh surah yang berbeza melalui enam belas ayat yang berlainan; iaitu dua kali di dalam Surah *al-Baqarah* (2:102), sekali di dalam Surah *an-Nisa'* (4:163), sekali di dalam Surah *al-An'am* (6:84), tiga kali di dalam Surah *al-Anbiya'* (21:78-79 & 82-81), tujuh kali di dalam Surah *al-Naml* (27:15, 17-19, 30, 36, 44), sekali di dalam Surah *Saba'* (34:12-14) dan dua kali di dalam Surah *Sad* (38:30-40) (Muhammad Fu'ad Abd al-Baqiy, 1988).

Analisis Konsep Integriti Dalam Pelaksanaan Pembangunan Nabi Sulayman A.S. Berdasarkan Surah Al-Naml (27:35, 36 & 37)

Surah al-Naml (27:35) menceritakan tindakan yang diambil oleh Ratu Saba'² setelah menerima surat daripada Nabi Sulayman a.s. yang menyerunya agar tunduk dan menyerah diri kepada Baginda a.s. Hasil mesyuarat yang dijalankan bersama para pembesar kerajaan, beliau memutuskan untuk mengutus hadiah yang selayaknya kepada Nabi Sulayman a.s. berupa emas, permata, mutiara dan sebagainya (Ibn Kathir, 1990:190). Hal ini menggambarkan kepintaran beliau berpolitik serta sikap kebertanggungjawaban beliau terhadap keamanan Saba' (al-Sya'rawiy, 10780). Menurut Qatadah, Ratu Saba' menyedari bahawa pemberian hadiah mempunyai kesannya terhadap manusia (Ibn Kathir, 1990:190; Al-Zuhayliy, 2009:322). Hal ini adalah sebagaimana hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Hendaknya kalian saling memberi hadiah, nescaya kalian akan saling mencintai. Dan hendaknya kalian saling bersalaman, nescaya ia akan menghilangkan perasaan cemburu dan iri daripada diri kalian."*

Tindakan ini juga diambil bagi menguji adakah Baginda a.s. adalah seorang nabi ataupun hanya sekadar raja yang memerintah (Al-Sya'rawiy, 1991:10780). Menurut Ibn Abbas, Ratu Saba' menyatakan kepada para pembesarnya bahawa sekiranya Sulayman menerima hadiah tersebut maka dia hanyalah seorang raja dan harus dibunuh, namun sekiranya dia menolak maka dia merupakan seorang nabi yang harus diikuti (Ibn Kathir, 1990:190; Al-Zuhailiy, 2009:323).

Menurut anggapan beliau, penerimaan Nabi Sulayman a.s. terhadap hadiahnya kelak dapat menghalang Baginda daripada melancarkan serangan terhadap Saba' ataupun setidaknya Nabi Sulayman a.s. hanya akan memaksa kerajaan Saba' agar mengutus hadiah kepada Kerajaan Baginda a.s. setiap tahun. Oleh yang demikian, Saba' akan tetap dalam keadaan aman tanpa berlakunya peperangan (Al-Sya'rawiy, 1991:10780; Al-Zuhayliy, 2009:322).

Setelah hadiah kerajaan Saba' tiba di hadapan Nabi Sulayman a.s., baginda tidak memandang hadiah tersebut bahkan menolehkan pandangan baginda daripadanya (Ibn Kathir, 1990:191). Baginda a.s. bahkan menyoal yang bermaksud:

"Apakah kalian memberikan kepadaku dengan pemberian harta agar aku meninggalkan kalian dalam keadaan syirik? Sesungguhnya Allah SWT telah memberikan kepadaku kebaikan yang banyak berupa al-nubuwwah (kenabian), kerajaan yang luas dan harta yang melimpah. Maka tiada keperluan kepadaku untuk menerima hadiah kalian. Sesungguhnya kalian berbangga-bangga dengan hadiah, sedangkan aku bukanlah penuntut dunia yang tidak kekal. Sesungguhnya aku menuntut kalian masuk agama Allah SWT dan meninggalkan penyembahan matahari. Aku tidak menerima daripada kalian melainkan Islam (secara damai) ataupun pedang (peperangan)."

(Al-Zuhayliy, 2009:323).

² Menurut Hasan al-Basri dan beberapa ahli tafsir yang lain, nama sebenar Ratu Saba' ialah Balqis binti Syarahil (Ibn Kathir, 1990:186).

Ibn Abbas r.a. menceritakan, Nabi Sulayman a.s. memerintahkan syaitan mendatangkan seribu istana daripada emas dan perak. Apabila utusan kerajaan Saba' melihatnya, mereka mengakur kelemahan mereka untuk mendatangkan hadiah seumpama itu (Ibn Kathir, 1990:191).

Selanjutnya Nabi Sulayman a.s. mengarahkan kepada utusan kerajaan Saba' agar pulang kembali bersama-sama dengan hadiah mereka serta mengancam mereka dengan kekuatan tentera yang tidak mampu mereka tandangi sekiranya mereka tidak tunduk dan menyerah diri kepada Allah SWT Tuhan sekalian alam. Secara ringkas, pada akhirnya Ratu Saba' bersama-sama kerajaan dan tenteranya menyerahkan diri kepada Islam.

Berdasarkan kepada pengkisahan ini, didapati bahawa Nabi Sulayman a.s. telah mengamalkan nilai integriti yang tinggi. Jika diperhatikan kepada Surah al-Naml (27:35-37), didapati bahawa konsep integriti yang diamalkan oleh Nabi Sulayman a.s. dapat boleh dibahagikan kepada dua konteks utama iaitu konteks hubungan dengan Allah SWT dan konteks hubungan sesama makhluk lain.

Konteks Hubungan Dengan Allah SWT

Konsep integriti sudah pasti mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT. Dalam konteks ini, amalan integriti dapat diperhatikan melalui ucapan dan tindakan Nabi Sulayman a.s. apabila berhadapan dengan tawaran hadiah yang dibentangkan di hadapan baginda a.s. Dalam konteks hubungan dengan Allah SWT, seseorang itu sebenarnya telah mengamalkan integriti terhadap dirinya sendiri.

Al-Zuhayliy (2009:326) menyatakan bahawa sebagaimana sekalian nabi yang lain, Nabi Sulayman a.s. tidak menerima pemberian sedekah namun menerima pemberian hadiah. Walau bagaimanapun, dalam kisah ini Baginda a.s. telah terlebih dahulu pada awalnya menyeru Ratu Saba' agar menyerah diri kepada Islam. Dalam hal seruan dakwah kepada Islam, sudah pasti sebarang perbuatan tawar-menawar dengan gantian habuan dunia sama sekali tidak diterima. Dengan kata lain, tawaran sebegitu merupakan suatu bentuk rasuah dan menjual kebenaran dengan kebatilan (al-Zuhayliy, 2009:326).

Di samping itu, penolakan Nabi Sulayman a.s. terhadap hadiah Ratu Saba' adalah kerana hadiah tersebut diberikan dengan tujuan agar baginda a.s. mendiamkan diri daripada kebenaran dan berhenti daripada menyeru manusia kepada Islam dan iman. Hal ini sudah pasti menafikan tugas para Rasul yang dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan risalah Tuhan tanpa sebarang upah, habuan dan ganjaran kerana matlamat utama mereka adalah reda Allah SWT. Disebabkan inilah, baginda a.s. mengancam Saba' dengan peperangan. Menurut al-Zuhayliy (2009:326), ancaman ini merupakan kemuncak atau jalan terakhir dalam seruan dakwah Baginda a.s. Menerusi Surah al-Naml (27:36), Nabi Sulayman a.s. mengungkapkan ucapan yang bermaksud:

“Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta benda, kerana apa yang telah diberikan Allah SWT kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikanNya kepada kamu; Bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan harta kekayaan yang dihadiahkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah).”

Menurut Qutb (2000:264), jawapan Nabi Sulayman a.s. ini membayangkan sikap baginda yang memandang rendah harta kekayaan dan kecemasan baginda a.s. terhadap tujuan kedatangan mereka yang tidak mempunyai hubungan dengan aqidah dan dakwah baginda. Ayat ini juga menunjukkan ketegasan baginda a.s. bahawa harta yang ada pada baginda lebih baik dari segala apa yang ada pada mereka. Bahkan, Allah SWT telah menganugerahkan baginda a.s. pemberian yang lebih baik daripada hart kekayaan iaitu pemberian ilmu pengetahuan, pangkat kenabian dan penundukan jin dan burung kepada perintah baginda a.s. (Qutb, 2000:264).

Menurut al-Sya'rawiy (1991:10781), ungkapan "*bihadiyyatikum tafrahan*" (kamulah yang bergembira dengan hadiah kamu) yang disebutkan oleh Nabi Sulayman a.s. menunjukkan kepada tiga makna. Pertama, hadiah untuk kamu. Dengan kata lain, kamu akan bergembira sekiranya didatangkan hadiah seumpama itu kepada kamu. Kedua, sekiranya hadiah itu dikembalikan kepada kamu maka kamu akan bergembira dengannya. Ketiga, sekiranya hadiah kamu diterima oleh kami maka kamu akan bergembira dengannya.

Keterangan al-Sya'rawiy (1991:10781) ini didapati selari dengan keterangan al-Raziy. Menurut al-Raziy (1981:196) terdapat tiga perkara yang harus diperhatikan dalam ucapan Baginda a.s. ini. Pertama, Nabi Sulayman a.s. menggambarkan bahawa Allah SWT telah menganugerahkan kepada Baginda a.s. *al-din* (agama) yang membawa kepada kebahagiaan yang berkekalan dan juga *al-dunya* (pemberian dunia) yang melebihi mana-mana kerajaan yang lain. Maka sudah pasti hadiah kerajaan Saba' tersebut tidak dapat menandingi pemberian Allah SWT kepada baginda a.s. Kedua, kerajaan Saba' berbangga-bangga dengan kemampuan mereka dapat mendatangkan hadiah yang begitu hebat kepada Nabi Sulayman a.s. Ketiga, kerajaan Saba' berhak untuk mengambil kembali hadiah mereka dan bergembira dengannya.

Jelas di sini, sikap dan tindakan Nabi Sulayman a.s. adalah lahir daripada keimanan dan keyakinan baginda yang begitu mendalam serta kebergantungan baginda a.s. hanya kepada Allah SWT. Dalam hal ini, hubungan dengan Allah SWT sebagai Pencipta merupakan elemen paling utama dalam membentuk integriti seseorang manusia.

Konteks Hubungan Sesama Makhhluk

Konsep integriti yang pada asasnya merupakan manifestasi jiwa kehambaan seseorang dari sudut hubungannya dengan Allah SWT dibuktikan pula dengan amalan dan tindakan seseorang dalam hubungannya dengan sesama makhluk. Dalam konteks hubungan sesama makhluk, didapati Nabi Sulayman a.s. menunjukkan komitmen dan ketegasan dengan nilai integriti yang dipegang.

Hal ini dapat diperhatikan menerusi reaksi Nabi Sulayman setelah hadiah kerajaan Saba' tiba di hadapan baginda. Ibn Kathir (1990:190) menyatakan, baginda tidak melihat atau memandang hadiah tersebut bahkan memalingkan pandangan daripadanya. Ketegasan Nabi Sulayman a.s. dalam hal ini juga dapat diperhatikan menerusi ucapan baginda a.s. dalam Surah al-Naml (27:37) yang bermaksud:

"Kembalilah kepada mereka, (jika mereka tidak juga mahu beriman) maka demi sesungguhnya kami akan mendatangi mereka dengan angkatan tentera yang mereka tidak berdaya menentanginya, dan kami akan mengeluarkan mereka dari negeri Saba' dengan keadaan hina, menjadi orang-orang tawanan."

Menurut al-Sya'rawiy (1991:10781-10782), jawapan Nabi Sulayman a.s. kepada utusan kerajaan Saba' seolah-olah memberikan gambaran bahawa ucapan tersebut dituturkan berdasarkan sifat kenabian yang ada pada diri baginda a.s. Baginda a.s. seolah-olah mengetahui butiran ucapan Ratu Saba' yang menyebutkan kepada para pembesarnya sebelum daripada itu sebagaimana yang dirakamkan dalam Surah al-Naml (27:35) yang bermaksud: *“Dan bahawa aku hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita.”*

Demikian juga ucapan Nabi Sulayman a.s. bahawa baginda a.s. akan mendatangi Saba' dengan angkatan tentera yang sangat kuat dan tidak berdaya ditentang serta akan mengeluarkan mereka dari negeri Saba' dengan keadaan hina menjadi orang-orang tawanan. Hal ini menggambarkan bahawa baginda a.s. mengetahui ucapan Ratu Saba' yang telah disebutkan dalam mesyuaratnya bersama para pembesar Saba' sebelum daripada itu sebagaimana yang dirakamkan dalam Surah al-Naml (27:34) yang bermaksud: *“Sesungguhnya raja-raja, apabila masuk ke sebuah negeri, mereka merosakkannya, dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia hina-dina; dan sedemikian itulah mereka akan lakukan.”* (al-Sya'rawiy, 1991:10782).

Daripada kenyataan-kenyataan tersebut, dapat difahami bahawa sekiranya pengamalan integriti yang tinggi dilaksanakan dalam sesebuah pembangunan, maka pembangunan yang hebat dan diredai oleh Allah SWT akan mampu dicapai. Kuasa pemerintahan juga merupakan anugerah Allah SWT yang menjadi ujian untuk menilai manusia dalam menjalankan fungsinya sebagai khalifah yang melaksanakan pembangunan dengan penuh berintegriti.

Rumusan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam kertas kerja ini, boleh dirumuskan bahawa konsep integriti dalam pembangunan Nabi Sulayman a.s. yang dinyatakan dalam al-Qur'an dapat dibahagikan kepada dua konteks utama. Pertama, konteks hubungan dengan Allah SWT. Kedua, konteks hubungan dengan makhluk. Konsep integriti ini menunjukkan akidah yang jelas dan utuh iaitu Allah SWT sebagai Pencipta dan Pemilik segala kekuasaan sebagai tunjang utama dan telah diaplikasikan dalam pelaksanaan aktiviti pembangunan Nabi Sulayman a.s. Hal ini membuktikan bahawa dalam melaksanakan pembangunan, manusia sebagai hamba Allah SWT tidak boleh putus hubungannya dengan Allah SWT (*habl min Allah*). Dalam masa yang sama, mereka adalah khalifah yang sentiasa memelihara hubungan sesama manusia (*habl min al-nas*). Sekiranya konsep integriti ini diamalkan dengan benar, maka manusia sebagai pelaku pembangunan dalam PBI akan mampu meningkatkan kesungguhan dalam segala amal kebbaikannya di dunia bermatlamatkan *mardat Allah* SWT.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. (2012). *Pembangunan Holistik Dari Perspektif Islam*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Afifi Farhana Mhd Poad & Azrin Ibrahim. (2019). *Amalan Integriti Dalam Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia: Analisis Berdasarkan Pelan Integriti*. E-Proceeding The 14th IDMAC: ISDEV International Islamic Development Management Conference. 325-330.
- Ahmad Nazrul Aliff Yahya & Wan Norhaniza Wan Hasan. (2019). *Integriti Dalam Kepimpinan Organisasi Di Malaysia Berdasarkan Prinsip-prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. E-Proceeding The 14th IDMAC: ISDEV International Islamic Development Management Conference. 539-547.
- Al-Qurtubiy, Abu Abdillah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr. (2006). *Al-Jami ' Li Ahkam al-Qur'an Wa al-Mubayyin Li Ma Tadammanahu Min al-Sunnah Wa Ayi al-Qur'an*. Jld. 16. Beirut, Lubnan: Mu'assasaṭ al-Risalat.
- Al-Raghib al-Asfahani, Abi al-Qasim al-Husayn ibn Muhammad. (t.t.). *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Makkah: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.
- Al-Raziy, Fakhr al-Din. (2000). *Al-Tafsir al-Kabir Aw Mafatih al-Ghayb*. Jld. 24. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Tabariy, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir. (1999). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*. Jld. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zuhailiy, Wahbah. (2009). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*, Jld. 10. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Azyumardi Azra. (1999). *Sejarah dan Ulum al-Qur'an*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Hasballah Thaib dan Zamakhsyari Hasballah. (2007). *Tafsir Tematik al-Qur'an*. Medan, Indonesia: Pustaka Bangsa.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi keempat.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abu Fida' Ismail. (2002). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, Jld. 6. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Megat Ayop Megat Ariffin & Abd Halim Ahmad. (2016). *Kepentingan Budaya Integriti Dan Etika Kerja Dalam Organisasi Di Malaysia: Suatu Tinjauan Umum*. *Malaysian Journal of Society and Space* 12(9)138-149.
- Muhammad Fu'ad 'Abd Al-Baqiy. (1988). *Al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Mohd Shukri Hanapi. (2014). *Tasawur Islam dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Kamal Hassan. (1993). "Pembangunan Yang Berteraskan Islam", dlm. Muhammad Syukri Salleh (Ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur. Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan*. Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd. & Pulau Pinang: Projek Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

- Pellegrino E (1990). *The Relationship of Autonomy and Integrity in Medical Ethics*. Bulletin of PAHO 24.
- Qutb, Sayyid. (2000). *Fi Zilal al-Qur'an*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Jld. 12. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Siti Nur Aafifah Hashim & Shereeza Mohamed Saniff. (2019). *Kesejahteraan Mental: Membudayakan Integriti Dalam Institusi Keluarga*. E-Proceeding The 14th IDMAC: ISDEV International Islamic Development Management Conference. 74-81.
- Stanford Encyclopedia of Philosophy. (2013). Diakses pada 15 Julai 2021 di laman web: <https://plato.stanford.edu/entries/integrity/>
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Abdul Hanis Embong. (2017). *Sejarah Tafsir Al-Quran dan Aliran-aliran Tafsir Kontemporari*. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Widang I, Fridland B (2003). *Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients*. Journal of Advanced Nursing 42 (1).
- Zubayry Abady Sofian. (2008). Integriti dan Peranan Keluarga. Diakses daripada <https://zubayry.wordpress.com/2008/02/06/integriti-dan-peranan-keluarga/> pada 15 Julai 2021.